

Pengenalan

Isabel Briggs Myers menghasilkan buku panduan *Pengenalan tentang Type®* untuk kegunaan klien setelah menghadiri sesi maklum balas pengenalan yang menerangkan tentang keputusan mereka dalam penilaian *Myers-Briggs Type Indicator®* (MBTI®). Beliau mahu membantu klien memahami jenis mereka dan mula menerapkan pengetahuan tersebut ke dalam kehidupan harian mereka. Hasrat beliau ialah agar setiap orang yang diperkenalkan kepada jenis keperibadian dan penilaian MBTI akan menerima sumber asas ini yang menyediakan perihalan tentang kesemua 16 jenis Myers-Briggs®. Myers yakin bahawa pemahaman yang mereka peroleh daripada memahami diri sendiri dan perbezaan mereka daripada orang lain yang memiliki jenis keperibadian lain akan membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih bermakna dan berkesan.

APAKAH MAKSUD PENILAIAN MBTI®?

Penilaian *Myers-Briggs Type Indicator* (MBTI) ialah soal selidik lapor kendiri yang direka untuk membolehkan teori Carl Jung tentang jenis keperibadian dapat difahami dan memberikan manfaat dalam kehidupan seharian. Keputusan MBTI mengenal pasti perbezaan bernilai antara insan biasa yang sihat, iaitu perbezaan yang mungkin menjadi punca salah faham dan kekeliruan.

Dengan mengambil penilaian MBTI dan menerima maklum balas, anda boleh mengenal pasti bakat unik diri anda. Maklumat tersebut membolehkan anda memahami dengan lebih mendalam tentang diri anda, dorongan anda, kekuatan semula jadi anda, dan bidang yang berpotensi untuk berkembang pada diri anda. Maklumat ini turut membantu anda menghargai insan lain yang berbeza daripada anda. Pemahaman tentang jenis Myers-Briggs pada diri anda merupakan pengesahan diri dan menggalakkan kerjasama dengan insan lain.

PENGHASILAN PENILAIAN MBTI®

Pengarang penilaian MBTI, iaitu Katharine Cook Briggs (1875–1968) dan anak perempuannya, Isabel Briggs Myers (1897–1980), merupakan pemerhati yang teliti tentang perbezaan keperibadian. Mereka mengkaji dan mempertingkatkan idea Carl Jung (1875–1961) serta menggunakan untuk memahami insan lain di sekeliling mereka. Terdorong oleh keinginan untuk membantu insan lain memperoleh kepuasan diri dan mencapai potensi mereka di tempat kerja dan dalam kehidupan peribadi, Myers mula menghasilkan penilaian MBTI agar semua

insan walau di mana jua mereka berada memperoleh manfaat yang beliau temui apabila mengetahui tentang jenis keperibadian dan menghargai perbezaan.

PENILAIAN MBTI® KINI

Setelah beberapa dekad melaksanakan penyelidikan dan pembangunan, termasuk beberapa kemas kini, penilaian MBTI kini merupakan alat yang paling kerap digunakan dan secara universal di seluruh dunia untuk memahami perbezaan keperibadian sihat dan normal dalam kalangan warga dunia di mana-mana sahaja. Berjuta-juta penilaian MBTI telah dilaksanakan dalam lebih daripada 30 bahasa, manakala kepopularan dan kebergunaan alat tersebut makin berkembang setiap tahun. Oleh sebab penilaian MBTI menerangkan pola asas tentang cara seseorang insan menerima maklumat dan membuat keputusan mengenainya, penilaian ini terbukti bermanfaat dalam pelbagai penggunaan:

- Pemahaman kendiri dan pembangunan individu
- Pembinaan pasukan
- Latihan pengurusan dan kepimpinan
- Bimbingan
- Pembangunan organisasi
- Latihan kepelbagai dan berbilang budaya
- Penyelesaian masalah
- Pembangunan dan pemeriksaan teliti kerjaya
- Kaunseling akademik
- Pembangunan pendidikan dan kurikulum
- Kaunseling perhubungan

Apakah Maksud Jenis Keperibadian?

Jung menghasilkan idea beliau tentang jenis keperibadian dalam usahanya menerangkan perbezaan biasa secara semula jadi antara insan yang sihat. Berdasarkan pemerhatiannya, Jung menyimpulkan bahawa perbezaan sikap dan tingkah laku adalah berpuncak daripada kecenderungan semula jadi seseorang yang perlu menggunakan fikiran mereka dalam cara yang berbeza. Apabila seseorang bertindak berdasarkan kecenderungan semula jadi, mereka membentuk pola yang sepadan dengan tingkah laku, yang mereka dapat memuaskan hati dan menepati kehendak mereka. Teori jenis keperibadian Jung mentakrifkan lapan pola tingkah laku yang berbeza, yang beliau gelar *jenis*, dan beliau memberikan perihalan terperinci tentang cara tingkah laku ini terbentuk.

GAMBARAN TENTANG KEPERIBADIAN OLEH JUNG

Jung memperhatikan bahawa apabila minda seseorang sedang aktif, mereka terlibat dalam satu daripada dua proses mental yang berlawanan dan asas:

- *Telahan*—Menerima atau mengumpulkan maklumat, atau
- *Tanggapan*—Membuat keputusan dan mula menyimpulkan tentang telahan mereka

Dua cara berlawanan dalam menerima maklumat yang dipanggil *Peka* dan *Gerak Hati*. Cara berlawanan dalam membuat

PROSES MENTAL ASAS



keputusan dan membuat kesimpulan yang dipanggil *Memikir* dan *Merasa*.

Peka, Gerak Hati, Memikir, dan Merasa ialah empat proses mental yang asas, yang ditakrifkan oleh Jung dalam teori jenis.

Jung turut mendapati bahawa seseorang itu cenderung kepada menumpukan perhatian mereka dan lebih bersemangat apabila berinteraksi dengan dunia luar – insan lain, perkara dan kegiatan. Atau lebih lagi apabila merenungkan dunia sendiri – idea, pemikiran dan pemerhatian. Beliau menggelarkan dua orientasi tenaga ini sebagai *Ekstraversi* dan *Introversi*.

ORIENTASI TENAGA

EKSTRAVERSİ



dihalakan ke luar


INTROVERSİ



dihalakan ke dalam

Walaupun setiap satu daripada empat proses mental – Peka, Gerak Hati, Memikir, dan Merasa – mempunyai cirinya sendiri yang boleh diramalkan, setiap satu memiliki ciri yang berbeza, bergantung pada sama ada proses tersebut ditumpukan lebih kepada dunia Ekstraversi luaran atau pada dunia Introversi dalaman.

LAPAN POLA AKTIVITI MENTAL OLEH JUNG



MENGAPAKAH TERDAPAT PERBEZAAN ANTARA INSAN?

Walaupun kesemua lapan pola aktiviti mental digunakan sedikit sebanyak pada sekali-sekala oleh setiap orang, Jung percaya bahawa secara semula jadinya, setiap orang berbeza dalam satu daripada lapan ciri yang mereka pilih berbanding ciri selebihnya. Pilihan semula jadi ini menyebabkan individu menggunakan pola pilihan mereka seberapa kerap yang mungkin, mencari keadaan yang mereka boleh gunakan, dan membentuk tabiat tingkah laku dan sifat keperibadian yang terbentuk daripada penggunaan pola tersebut. Jung menggelarkan pola atau proses kegemaran ini sebagai *fungsi dominan* atau *proses utama*.

Perbezaan antara insan dalam proses mental yang dominan—kebanyakan yang dipilih, digunakan dan dihasilkan—mengarah kepada perbezaan aras antara insan. Pola tingkah laku boleh ramal yang terhasil dalam interaksi dinamik dengan proses mental kurang digemari yang lain, akan membentuk jenis keperibadian.

Selain fungsi dominan, Jung mengenal pasti proses kegemaran kedua, atau *tambahan*; proses kegemaran ketiga, atau *peringkat ketiga*; dan proses yang paling kurang digemari, iaitu *fungsi bawahan*. Jung menulis dengan terperinci tentang lapan fungsi dominan dan lapan fungsi bawahan yang sepadan tetapi tidak begitu memberikan perhatian kepada proses kedua dan ketiga serta peranannya dalam jenis individu.

PENGEMBANGAN OLEH MYERS AND BRIGGS DAN PENAMBAHBAIKAN TEORI JUNG

Jung mengakui bahawa sistem jenis miliknya belum lengkap. Bagaimanapun, tulisannya mengandungi beberapa cadangan yang menarik tentang tujuannya terhadap bahagian yang belum wujud dalam teorinya. Hasil daripada pembacaan teliti ke atas hasil usaha Jung, Myers dan Briggs dapat mengembangkan sistem asal Jung kepada dua cara:

- Dengan menentukan orientasi tenaga (Ekstraversi atau Introversi) yang menggambarkan ciri proses kegemaran kedua, atau tambahan

EMPAT PASANGAN PILIHAN MYERS-BRIGGS®

EKSTRAVERSII	e	i	INTROVERSII
PEKA	s	n	GERAK HATI
MEMIKIR	t	f	MERASA
TANGGAPAN	j	p	TELAHAN

- Dengan menambahkan pasangan berlawanan yang keempat, orientasi Tanggapan–Telahan

Pembaharuan ini menghasilkan pengenapstian 16 jenis yang diuraikan dalam penilaian MBTI. Istilah *Teori Jung-Myers tentang jenis keperibadian* digunakan untuk membezakan antara teori asal Jung dan pendekatan *Myers-Briggs Type Indicator* terhadap jenis keperibadian.

16 JENIS KEPERIBADIAN MBTI®

Jenis MBTI®	Proses Kegemaran	Proses Tambahan
ISTJ	Peka Bersifat Introversi	Memikir Bersifat Ekstraversi
ISFJ	Peka Bersifat Introversi	Merasa Bersifat Ekstraversi
ESTP	Peka Bersifat Ekstraversi	Memikir Bersifat Introversi
ESFP	Peka Bersifat Ekstraversi	Merasa Bersifat Introversi
INTJ	Gerak Hati Bersifat Introversi	Memikir Bersifat Ekstraversi
INFJ	Gerak Hati Bersifat Introversi	Merasa Bersifat Ekstraversi
ENTP	Gerak Hati Bersifat Ekstraversi	Memikir Bersifat Introversi
ENFP	Gerak Hati Bersifat Ekstraversi	Merasa Bersifat Introversi
ISTP	Memikir Bersifat Introversi	Peka Bersifat Ekstraversi
INTP	Memikir Bersifat Introversi	Gerak Hati Bersifat Ekstraversi
ESTJ	Memikir Bersifat Ekstraversi	Peka Bersifat Introversi
ENTJ	Memikir Bersifat Ekstraversi	Gerak Hati Bersifat Introversi
ISFP	Merasa Bersifat Introversi	Peka Bersifat Ekstraversi
INFP	Merasa Bersifat Introversi	Gerak Hati Bersifat Ekstraversi
ESFJ	Merasa Bersifat Ekstraversi	Peka Bersifat Introversi
ENFJ	Merasa Bersifat Ekstraversi	Gerak Hati Bersifat Introversi

TENAGA DINAMIK JENIS MYERS-BRIGGS®

16 jenis Myers-Briggs tidak mentakrifkan keperibadian sebagai 16 kotak yang statik. Sebaliknya, kotak-kotak ini menghuraikan tentang sistem tenaga dinamik berkenaan pilihan keperibadian berinteraksi yang ditegaskan sebagai pasangan berlawanan. Setiap orang cenderung untuk memilih satu daripada dua perkataan berlawanan dalam setiap empat pilihan berbanding pasangan lain.

Jawapan anda dalam penilaian MBTI menyatakan pilihan anda dan jenis Myers-Briggs empat huruf anda. Setiap pilihan merupakan aspek keperibadian berbilang segi yang lengkap dengan kumpulan sifatnya yang tersendiri. Walaupun pada awalnya kita mula memahami keperibadian dengan menumpukan pada pilihan tersebut, namun gabungan pilihan itulah yang membentuk jenis Myers-Briggs empat huruf yang memberikan gambaran keperibadian paling menyeluruh dan pelbagai.